



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI GURU TERHADAP KEPERLUAN PELAJAR DAN
KEUPAYAAN MENGAJAR KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN
DALAM MATA PELAJARAN ELEKTIF VOKASIONAL DAN
TEKNOLOGI**

SRI HAYATI BT MUSA KAMAL

FPP 1996 10



**PERSEPSI GURU TERHADAP KEPERLUAN PELAJAR DAN
KEUPAYAAN MENGAJAR KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN
DALAM MATA PELAJARAN ELEKTIF VOKASIONAL DAN
TEKNOLOGI**

OLEH

SRI HAYATI BT MUSA KAMAL

**PROJEK KAJIAN YANG DISYARATKAN SEBAGAI
MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK MENDAPATKAN IJAZAH
MASTER SAINS DI FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN ,
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

NOVEMBER 1996



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur Alhamdulillah di atas kurnia dan petunjukNya yang dilimpahkan terhadap penulis sehingga terhasilnya kertas projek ini.

Kajian ini merupakan wadah bagi penyempurnaan cita-cita, impian dan janji penulis kepada arwah suami, anak-anak dan diri penulis sendiri. Pelbagai pihak telah terlibat dalam membantu penulis menyempurnakan kajian ini dari awal hingga akhir sebagaimana yang dinyatakan di bawah.

Penghargaan dan rasa kasih sayang tidak terhingga terhadap ibu dan bapa penulis, Encik Musa Kamal bin Jabanullah dan Puan Ramlah bt. Dawi yang telah memikul tanggungjawab penulis dalam menjaga dan mendidik anak-anak dengan begitu sempurna; ahli-ahli keluarga yang lain yang sentiasa mendoakan kejayaan penulis dan sentiasa sedia memberikan bantuan, sokongan, dan semangat; dan anak-anak, Aiman dan Nadia, yang telah menunjukkan kematangan dan kefahaman yang melampaui umur sekecil mereka.

Jutaan terima kasih dan rasa hormat tidak terhitung kepada Dr. Zaidatul Akmaliah Lope Pihie selaku penyelia yang profesional dan pendorong utama; Dr Othman bin Dato Hj Mohamed yang telah menunjukkan keprihatinan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh penulis; pensyarah-pensyarah yang memberi bantuan dan tunjuk ajar iaitu Dr. Abdul Rahim Bakar, Dr. Bahaman Abu Samah, Professor Madya Dr. Kamariah Abu Bakar, Dr. Rohani Ahmad Termizi, Dr. Zakaria Kasa dan Tuan Haji Zakaria Abdul Rahman; dan Dr Nor Aishah Buang dari Univeriti Kebangsaan Malaysia yang banyak membantu dalam penyediaan soal selidik.

Setinggi-tinggi terima kasih juga dikalungkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, di atas pelepasan dari tanggungjawab dan sokongan dari segi kewangan dan masa dengan pemberian biasiswa dan cuti belajar; Encik Yahaya Md. Yusof selaku Penolong Pengarah (Teknik dan Vokasional) di Jabatan Pendidikan Negeri Perak yang sentiasa bersedia memberi bantuan dan kerjasama; para Pengetua yang telah memberikan kebenaran dan bantuan bagi penulis menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah mereka dan semua guru yang terlibat sebagai responden yang telah memberikan kerjasama kepada penulis.



Akhir sekali ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang terutama sekali Puan Noraini Othman yang sentiasa bersedia memberikan bantuan dan tidak jemu-jemu untuk memberikan sokongan dan semangat; dan Puan Rohani di pejabat Timbalan Dekan, penyampai maklumat dan pendengar yang setia yang sentiasa sabar mendengar keluhan dan cetusan rasa para pelajar. Rasa syukur tidak terhingga di atas kehadiran semua di dalam hidup penulis yang mana telah memungkinkan perjuangan dalam pendidikan ini diteruskan. Semoga diberkati Allah atas segala usaha kita dan sentiasa mendapat keredhaan-Nya.

“ Budi yang tidak terbeli.....

hanya berupaya disimpan dalam kenangan abadi..... “



DAFTAR KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK DALAM BAHASA MELAYU	x
ABSTRAK DALAM BAHASA INGGERIS	xii
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	4
Objektif Kajian	5
Objektif Khusus	6
Soalan Kajian	7
Kepentingan Kajian	8
Batasan Kajian	10
Definisi Operasional	11
II SOROTAN PENULISAN BERKAITAN	15
Pengenalan	15
Pendidikan Keusahawanan Di Malaysia	17
Latihan Dan Pembentukan Usahawan	23
Sorotan Kajian-kajian Berkaitan	34
Rumusan	41
III METODOLOGI KAJIAN	43
Pengenalan	43
Rekabentuk Kajian	43
Instrumen Kajian	44

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	45
Populasi Dan Sampel	46
Pengumpulan Data	47
Analisis Data	48
IV DAPATAN KAJIAN	49
Pengenalan	49
Profil Responden	49
Soalan Kajian dan Dapatan Kajian	53
V RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	83
Rumusan	83
Perbincangan	95
Kesimpulan	100
Cadangan	103
BIBLIOGRAFI	105
LAMPIRAN	
A Soal-Selidik Kajian	112
B Senarai Mata Pelajaran Elektif Ting. IV Dan V	116
C Pendedahan Guru -guru Terhadap Aspek Keusahawanan	117
D Senarai Sekolah Dan Populasi Guru	118
E Jadual Menentukan saiz sampel	121
F Kebenaran untuk menjalankan kajian dari Kementerian Pendidikan	122
G Permohonan untuk menjalankan kajian di Negeri Perak	124
H Kebenaran untuk menjalankan kajian dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak	125
I Permohonan untuk menjalankan kajian di sekolah	126
BIODATA PENULIS	128

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Kadar respon guru-guru	50
2	Frekuensi dan purata demografi	52
3	Keperluan kemahiran keusahawanan (persepsi keseluruhan guru)	54
4	Keperluan kemahiran keusahawanan (persepsi guru-guru elektif tertentu)	59
5	Pangkatn bagi keperluan kemahiran keusahawanan	63
6	Keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan (persepsi keseluruhan guru)	67
7	Keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan (persepsi guru-guru elektif tertentu)	72
8	Pangkatn bagi keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan	76
9	Hubungan antara persepsi tentang keperluan kemahiran dan keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan	80
10	Hubungan antara persepsi guru mengenai keperluan dengan keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan berdasarkan elektif	81
11	Perbezaan keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan berdasarkan jenis elektif	82

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kesinambungan Pendidikan Pra-Vokasional (KHB) dan Mata Pelajaran Elektif Vokasional dan Teknologi	21

SENARAI SINGKATAN

KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
P & K	Perdagangan dan Keusahawanan
PDGN	Perdagangan
SP	Sains Pertanian
LKJ	Lukisan Kejuruteraan
RC	Rekacipta
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
MEDEC	Malaysian Entrepreneur Development Centre

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains .

**PERSEPSI GURU TERHADAP KEPERLUAN PELAJAR DAN KEUPAYAAN
MENGAJAR KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DALAM MATA PELAJARAN
ELEKTIF VOKASIONAL DAN TEKNOLOGI .**

Oleh
SRI HAYATI BT MUSA KAMAL

November, 1996

Penyelia: DR. ZAIDATOL AKMALIAH BT LOPE PIHIE
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi guru-guru mengenai kemahiran-kemahiran keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar dan keupayaan guru-guru tersebut mengajar kemahiran keusahawanan.

Suatu soal selidik yang menyenaraikan 40 kemahiran keusahawanan telah digunakan sebagai instrumen kajian. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran elektif (Perdagangan, Sains Pertanian, Lukisan Kejuruteraan, Rekacipta dan Ekonomi Rumah Tangga) di peringkat menengah atas di seluruh negeri Perak. Soal selidik telah dihantarkan kepada kesemua 275 orang guru di dalam populasi. Seramai 167 orang responden telah memberi maklumbalas dan digunakan sebagai sampel bagi kajian ini.



Analisa data dijalankan dengan menggunakan perisian The Statistical Program For Social Sciences (SPSSPC+). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, korelasi (Pearson Product Moment) dan ujian-t.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan, kemahiran-kemahiran keusahawanan adalah diperlukan oleh pelajar-pelajar, dan kemahiran 'menggunakan komputer dalam perniagaan' adalah salah satu kemahiran yang amat diperlukan oleh para pelajar.

Kajian ini mendapati, secara keseluruhan, guru-guru mempunyai keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan yang sederhana. Didapati, guru Perdagangan mempunyai keupayaan tertinggi manakala guru Lukisan Kejuruteraan mempunyai keupayaan terendah dalam kemahiran keusahawanan. Dapatan juga menunjukkan guru-guru mempunyai keupayaan mengajar yang rendah dalam kemahiran 'menggunakan komputer dalam perniagaan'.

Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan yang sederhana kuat dan signifikan antara persepsi guru mengenai keperluan pelajar dengan keupayaan mengajar. Guru-guru yang kurang menerima pendedahan dalam aspek perdagangan dan keusahawanan mempunyai persepsi yang rendah keperluan terhadap kemahiran tersebut.

Kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan antara guru-guru yang

mengajar mata pelajaran berdasarkan perdagangan dengan yang tidak. Kajian juga mencadangkan pendedahan kepada aspek perdagangan dan keusahawanan diberikan kepada bakal guru untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam kemahiran keusahawanan.

Abstract of project presented to the Faculty of educational Studies,
Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the
Degree of Master of Science.

**TEACHERS' PERCEPTIONS OF STUDENTS' NEEDS AND TEACHERS'
ABILITY IN TEACHING ENTREPRENEURIAL SKILL IN THE VOCATIONAL
AND TECHNOLOGY ELECTIVES SUBJECTS**

by

SRI HAYATI BT MUSA KAMAL

November, 1996

Supervisor: DR ZAIDATOL AKMALIAH BT LOPE PIHIE
Faculty: Educational Studies

The purpose of the study was to identify teachers' perceptions regarding the entrepreneurial skills that are needed by their students and their ability in teaching these skills.

A questionnaire that listed down forty entrepreneurial skills is used as the research instrument. The population of this study comprised of teachers who are teaching upper secondary elective subjects (Commerce, Agriculture Science, Technical Drawing, Invention and Home Economics) in the state of Perak. The questionnaires were mailed to all 275 teachers in the population. The teachers who responded to the questionnaire (167 teachers) were used as the sample for the study.



The Statistical Program For Social Sciences (SPSSPC+) is used to analyse the data. Data was analysed by means of descriptive statistics, correlation (Pearson Product Moment) and t-test.

The findings illustrate that the educators, in overall, believe that entrepreneurial skills are needed by their students. The skill 'using the computer in business' is perceived as one of the most needed skills.

The findings showed that, in overall, teachers have moderate ability in teaching entrepreneurial skills. Teachers teaching Commerce were found to have higher ability in teaching entrepreneurial skills than the rest of the respondents, while teachers teaching Technical Drawing have the lowest. The findings also showed that the teachers have low ability in teaching the skill 'using the computer the business'.

The findings revealed that there is a moderately strong and significant relationship between teachers' perceptions of students' needs and teachers teaching ability. Teachers who received less exposure to the aspects of commerce and entrepreneurship have lower perception regarding the students needs of entrepreneurial skills.

The findings also showed that there is a significant difference in terms of teaching ability between commerce and non-commerce teachers. This study



suggests that future teachers should be exposed to the aspects in commerce and entrepreneurship to increase their ability in teaching entrepreneurial skills.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Akhir abad ke-20 ini adalah disifatkan sebagai zaman usahawan (Noll,1993). Menurut Jennings (1994), salah satu cara untuk menghadapi cabaran dan persaingan global masakini adalah dengan membangunkan dan mengekalkan bidang keusahawanan. Mohd Amir dan Halimah (1992), mengatakan pendidikan perdagangan dan keusahawanan itu penting dan perlu ditingkatkan di negara ini supaya negara dapat bersaing dengan negara maju dan seterusnya mencapai matlamat pendidikan negara.

Pendidikan keusahawanan dapat membuka minda pelajar terhadap opsyen untuk memiliki perniagaan dan bekerja sendiri (Lankard, 1991). Zaidatol (1993) mengatakan pendidikan keusahawanan penting bagi membentuk pelajar ke arah menjadi usahawan, melahirkan usahawan yang berjaya dan seterusnya dapat memberi kesan positif

pada ekonomi. Pendidikan keusahawanan dapat menyediakan pelajar-pelajar yang berpotensi untuk menyertai bidang keusahawanan (Ashmore, 1983, Davis, 1983).

Kuratko (1989) dan Cunningham dan Lischeron (1991) mengatakan bidang keusahawanan boleh diajar terutamanya kemahiran yang berkaitan dengan aspek-aspek teknikal dan pengurusan yang boleh dilatih dan dibentuk menerusi pendidikan dan latihan. Menurut 'The International Encyclopedia of Education' (1994), pembentukan ciri-ciri usahawan selalunya dikaitkan dengan latihan motivasi pencapaian (Achievement Motivation Training) yang dijalankan dalam bilik darjah. Kaedah AMT ini digunakan dengan meluasnya di Amerika dan ia adalah berdasarkan di atas kepercayaan bahawa ciri-ciri usahawan dapat dikenalpasti, dikembangkan dan dirangsang.

Institusi pendidikan dapat membangunkan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar menerusi penerapan kemahiran tersebut ke dalam pendidikan vokasional (Zaidatol, 1993, Lankard, 1991 dan Ashmore, 1983). Di negara-negara maju, beberapa program kemahiran keusahawanan yang mengandungi kemahiran untuk

memulakan perniagaan dan pengurusan perniagaan telah jalankan dengan menerapkannya ke dalam pendidikan vokasional.

Pendidikan perdagangan dan keusahawanan telah lama wujud dalam sistem pendidikan di Malaysia, iaitu semenjak era 60an lagi (Shahril dan rakan-rakan, 1993). Penekanan terhadap pendidikan keusahawanan menjadi semakin ketara melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979, dan dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Ia menjadi komponen teras dalam mata pelajaran yang bersifat pra-vokasional iaitu Kemahiran Hidup Bersepadu. Komponen keusahawanan telah juga diperkenalkan dari peringkat pendidikan sekolah rendah menerusi Amalan Perdagangan kepada semua pelajar (Abdul Rahman dan Zakaria, 1995). Walaupun begitu, di peringkat menengah atas, tiada mata pelajaran yang khusus dengan tajuk keusahawanan ditawarkan kepada para pelajar. Kemahiran keusahawanan boleh didapati dalam beberapa mata pelajaran elektif yang bercorak perdagangan iaitu mata pelajaran Perdagangan, Prinsip Akaun dan Ekonomi Asas (Abdul Rahman dan Zakaria, 1995), tetapi tidak ditekankan dalam lain-lain mata pelajaran vokasional menengah atas.

Untuk tidak ketinggalan dalam menangani pendidikan keusahawanan, negara perlu membuat beberapa perubahan dalam aspek pendidikan. Bagi negara membangun seperti Malaysia, pendidikan dianggap sebagai pembawa perubahan ke arah sesuatu kemajuan, termasuklah pendidikan guru (Ibrahim, 1992). Menurut beliau lagi, terdapat hubungan antara pendidikan guru dengan perubahan yang ingin dilakukan. Sewajarnya pendidikan guru diberi keutamaan kerana sesuatu perubahan dalam pendidikan tidak boleh dilakukan sehinggalah terdapat perubahan pada pendidikan guru. Ashmore (1990) juga memberi pandangan yang sama di mana pelaksanaan pendidikan keusahawanan dalam sesuatu sistem pendidikan memerlukan persediaan yang secukupnya pada pihak guru. Kajian mengenai sejauh mana tahap keupayaan guru mengajar sesuatu kemahiran perlu dijalankan untuk mengetahui apakah perubahan yang perlu dilakukan dalam pendidikan guru bagi menyediakan mereka menghadapi perubahan negara dan dunia.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan perkembangan pesat pendidikan keusahawanan di negara-negara maju, negara perlu meningkatkan usaha menerapkan

pendidikan tersebut dalam sistem pendidikan formal. Dapatan daripada kajian-kajian menunjukkan bahawa kemahiran keusahawanan boleh diajarkan. Di Malaysia, penerapan aspek keusahawanan di dalam mata pelajaran vokasional dan teknologi adalah suatu perkembangan hasil daripada KBSM, dan telah dimulakan dalam pendidikan sekolah rendah dan menengah rendah melalui mata pelajaran-mata pelajaran yang bersifat pra-vokasional seperti Kemahiran Hidup Bersepadu. Di peringkat menengah atas, mata pelajaran pelajaran dalam elektif vokasional dan teknologi adalah merupakan kesinambungan kepada komponen-komponen dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu, namun penerapan aspek keusahawanan merentasi mata pelajaran elektif ini adalah tidak menyeluruh. Persoalannya kini adalah adakah kemahiran keusahawanan diperlukan oleh pelajar-pelajar sekolah menengah atas. Seterusnya, adakah guru-guru mata pelajaran elektif vokasional dan teknologi telah bersedia dari segi keupayaan mengajar kemahiran-kemahiran tersebut.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini ialah untuk melihat persepsi guru-guru yang mengajar beberapa mata pelajaran elektif Vokasional dan

Teknologi Menengah Atas terhadap keperluan kemahiran keusahawanan pelajar dan keupayaan mereka dalam mengajar kemahiran-kemahiran tersebut dalam bidang yang diajarkan.

Objektif Khusus.

1. Mengenal pasti persepsi guru secara keseluruhan dan mengikut elektif tertentu mengenai kemahiran keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar dalam bidang yang diajarkan.
2. Mengenal pasti persepsi guru secara keseluruhan dan mengikut elektif tertentu mengenai keupayaan mereka mengajar kemahiran keusahawanan.
3. Mengenal pasti hubungan antara persepsi guru terhadap keperluan kemahiran keusahawanan dengan keupayaan mengajar kemahiran tersebut secara keseluruhan dan dalam bidang yang diajarkan.
4. Mengenal pasti perbezaan keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan berdasarkan jenis elektif yang diajar.

Soalan Kajian

1. Apakah persepsi guru secara keseluruhan mengenai kemahiran keusahawanan yang diperlukan dalam bidang yang diajarkan?
2. Apakah persepsi guru mata pelajaran elektif tertentu mengenai kemahiran keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar dalam bidang yang diajarkan?
3. Apakah persepsi guru secara keseluruhan mengenai keupayaan mereka mengajar kemahiran keusahawanan ?
4. Apakah persepsi guru mata pelajaran elektif tertentu mengenai keupayaan mereka mengajar kemahiran keusahawanan dalam bidang yang diajarkan?
5. Adakah terdapat hubungan antara persepsi guru terhadap keperluan kemahiran keusahawanan dengan keupayaan mengajar kemahiran tersebut secara keseluruhan dan dalam bidang tertentu?
6. Adakah terdapat perbezaan keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan berdasarkan jenis elektif yang diajar?

Kepentingan Kajian

Bidang keusahawanan telah menjadi semakin penting dan terdapat kesedaran yang meningkat di kalangan ahli akademik, pihak kerajaan dan lain-lain pihak yang terlibat mengenai kepentingan pendidikan keusahawanan. Walaupun begitu jika dibandingkan dengan negara-negara maju, amat kurang kajian yang telah dijalankan mengenai pendidikan keusahawanan di Malaysia, terutamanya mengenai pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah, dan ini telah mendorong kepada penyelidikan ini dijalankan.

Kajian mengenai bidang keusahawanan ini juga dirasakan perlu berdasarkan dapatan-dapatan kajian di negara-negara maju yang mengaitkan pendidikan keusahawanan dengan kejayaan sesuatu perniagaan (Kuratko dan Hodgetts, 1992, Peterson, Kozmetsky dan Ridgway, 1983). Menurut trend masakini, menjalankan perniagaan sendiri dan menjadi usahawan adalah salah satu opsyen kerjaya yang diminati (Ashmore, 1990 dan Lankard, 1991).

Dapatan kajian ini akan memberi manfaat kepada beberapa pihak. Dapatan kajian ini dapat dijadikan asas dan petunjuk kepada pihak yang terlibat dalam penggubalan dan pelaksanaan kurikulum pendidikan mengenai perubahan yang perlu dilaksanakan dalam aspek pendidikan keusahawanan. Dapatan mengenai keperluan kemahiran keusahawanan bagi para pelajar perlu dalam menentukan perkembangan pendidikan keusahawanan secara am dan penerapannya dalam pendidikan vokasional secara khusus. Ini dapat menjadi asas bagi tindakan selanjutnya dalam penggubalan dan pelaksanaan kurikulum pendidikan vokasional di sekolah-sekolah akademik. Perkembangan dalam pendidikan keusahawanan ini perlu bagi memastikan negara dapat terus bersaing dengan negara-negara maju (Mohd Amir dan Halimah,1992).

Kajian berkenaan tahap keupayaan guru adalah penting kerana dapatan kajian tersebut adalah input yang diperlukan oleh pihak yang terlibat dengan pendidikan dan latihan guru. Ia dapat dijadikan kayu pengukur dalam menilai sejauh mana keupayaan guru-guru dari berbagai bidang vokasional dalam bidang keusahawanan supaya bentuk latihan dan pendidikan dapat disesuaikan dengan keperluan mereka. Kajian-kajian lain yang telah dijalankan di luar negara oleh Hill (1986) dan